

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421





Sumber: https://assets.bharian.com.my/images/articles/zamburger20og_BHfield_image_socialmedia.var_1629448354.jpg

Cabaran Perniagaan Perhotelan Semasa Pandemik

Masnihi binti Mustapa¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kota Kinabalu, Sabah.

Koresponden: masnihi@uitm.edu.my

Industri Perhotelan adalah salah satu cabang perniagaan yang merencanakan sektor pelancongan di negara ini. Sektor perhotelan ini juga selaras dengan usaha syarikat untuk mempelbagaikan segmen perniagaan dan mampu menyumbang pendapatan yang besar seperti aktiviti perniagaan semasa.

Jenis-jenis hotel juga terbahagi kepada beberapa jenis antaranya, Hotel Butik, Hotel patuh syariah (shariah-compliant hotels), Hotel bajet, Hotel Lima Bintang dan Pet hotel.



Sumber:

<https://pix10.agoda.net/hotellimages/248196/-1/a45bc6a9994e8b44b7b2dd091c06a9f6.jpg?ca=13&ce=1&s=1024x768>

Bagaimanapun, sejak pandemik Covid-19 melanda negara, industri perhotelan Malaysia dianggarkan kehilangan pendapatan lebih RM11.5 bilion sejak tahun lalu berikutan sekatan pergerakan bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Keadaan menjadi lebih teruk apabila 120 hotel di seluruh negara terpaksa menutup perniagaan mereka buat sementara waktu dan sepenuhnya selepas berdepan tempoh getir berikutan gelombang wabak berkenaan.

Bagaimanapun, berbeza pula bagi pengasas Hotel Zamburger, Norizam Tukiman, 40, apabila tempoh pandemik ini membuka ruang untuknya mengembangkan rangkaian hotel dengan berjaya mengambil alih 67 hotel butik termasuk tiga hotel di Indonesia dalam tempoh 15 bulan.

Berasal daripada keluarga yang susah dan pernah tinggal di rumah setingan, minatnya dalam bidang perniagaan mula tersemat sejak di bangku sekolah lagi. Apabila usianya menginjak 16 tahun, Norizam memberanikan diri membuka gerai burger sendiri bermodalkan RM1,500 selepas membelinya daripada pemilik asal sewaktu tinggal di Kampung Tuah Jaya, Taman Perling, Johor. "Komisen penjualan burger saya guna untuk tampung perbelanjaan harian. Selain gerai tepi jalan, saya juga jual burger untuk dihantar ke kantin pejabat dan pernah naik turun bas semata-mata mendapatkan pelanggan di perhentian bas Larkin," katanya.

Kemiskinan keluarganya tidak menghalang beliau untuk melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Segamat dalam jurusan Diploma Analisis Pelaburan, kemudian bekerja sebagai pakar runding pelaburan di sebuah bank di Johor. Menggabungkan pengalaman langsung dalam perniagaan burger dan pelaburan saham sebagai remisier selama lebih 20 tahun, Norizam kemudiannya berjaya mengasaskan jenama sendiri termasuk produk makanan sejuk beku, UZ Food Berhad, burger daging patti, Zamburger sebelum melangkah ke bidang perhotelan pada 2015.

Beliau kemudian bermula dengan hanya tiga hotel iaitu dua hotel di Senai, Johor dan satu di Kota Warisan, Sepang, Selangor sebelum mengembangkan empayar perniagaannya dalam sektor itu apabila pandemik bermula pada awal 2020. Ditanya bagaimana dia boleh mengambil alih sejumlah besar hotel dalam masa singkat, anak jati Johor itu berkata, dia menggunakan tiga strategi perniagaan iaitu membeli hotel, membeli 'perniagaan' hotel dengan bangunan hotel masih pemilik asal dan ketiga melalui pajakan. Sementara itu, Norizam mengatakan bahawa hotelnya juga menampilkan imej patuh syariah dengan syarat tidak ada unsur haram dalam perdagangan dan hanya pasangan suami isteri yang boleh menginap dalam sesebuah bilik.

Mengenai pemilihan nama "Zamburger" yang mungkin tidak komersial seperti nama hotel lain, pemilik bola sepak Kelantan FC itu berpandangan pemilihan nama Zamburger itu dibuat bagi membuktikan peniaga burger sepertinya itu boleh berjaya jika mempunyai cita-cita dan keazaman.

RUJUKAN

- [1] <http://fiarasakura.blogspot.com/2012/10/perhotelan-hospitaliti.html>
- [2] <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/08/738513/120-hotel-gulung-tikar>
- [3] <https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2021/08/853722/zamburger-kini-miliki-70-rangkaian-hotel>



Sumber:

<https://pix8.agoda.net/hotellimages/568106/-1/571426662ace3a8cdd5863ca989810fc.jpg?ca=13&ce=1&s=1024x768>